

**UCAPAN ALUAN  
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA BINTI ABDUL RAHIM  
VICE CHANCELLOR**

---

**MAJLIS ASPIRIASI FORNTLINER UTeM**

**9 APRIL 2021 (FRI), 3.00 PETANG**

**VENUE: PUSAT SUKAN**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Pengurusan Tertinggi Universiti, Pegawai Kanan Universiti, Staf dan Para Sukarelawan Pelajar yang diraikan, hadirin serta hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayahNya yang mengizinkan kita untuk kumpul bersama-sama di majlis santai pada petang ini, bagi merasikan staf barisan hadapan dan sukarelawan pelajar atau lebih mudah saya kategorikan sebagai front liners UTeM yang telah banyak

menyumbang bakti, mengorbankan masa serta tenaga tanpa rasa penat dan jemu di sepanjang pelaksanaan PKP di UTeM.

2. Tanpa kita sedari, kita telah melalui fasa yang penuh mencabar iaitu penularan COVID-19 di negara kita, lebih dari setahun. Jika dimbas kembali, Kerajaan telah mengisyiharkan PKP pada 18 Mac 2020 dan hakikatnya sehingga kini kita masih lagi berada dalam tempoh PKP namun dalam kategori yang berbeza sama ada PKPP, PKPB atau PKPD berdasarkan kepada situasi di tempat dan negeri masing-masing.

3. Maka di atas faktor inilah juga, cadangan Pengurusan Universiti untuk menganjurkan majlis penghargaan front liners dan sukarelawan UTeM terpaksa ditunda beberapa kali disebabkan situasi yang tidak mengizinkan.

**Hadirin Hadirat sekalian,**

4. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, suatu ketika dahulu, situasi penularan COVID-19 di negara kita, hampir berjaya dikawal dengan sebaiknya. Namun, di atas sikap kecuaian kita sendiri, Kerajaan sekali lagi telah mengumumkan PKP 2.0, yang pada awalnya melibatkan

beberapa negeri yang berisiko tinggi sahaja, namun akhirnya terpaksa dilaksanakan di seluruh negeri.

5. Alhamdulillah, walaupun tren penularan kes COVID-19 di negara kita bertambah baik, kita semua perlulah sentiasa peka dan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga selain turut memastikan semua SOP dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan mahupun universiti dari masa ke semasa, sentiasa dipatuhi.

## **Hadirin dan hadirat sekalian.**

6. Pada fasa awal pengisytiharan PKP di negara kita, hampir keseluruhan operasi pelbagai sektor termasuklah pengoperasian Universiti ini terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu. Bagi pihak pengurusan Universiti, situasi yang pertama kali berlaku ini memberikan cabaran yang amat besar. Dalam menghadapi keadaan ini, pengurusan Universiti hendaklah mencari solusi terbaik bagi memastikan segala aspek keperluan diberikan perhatian dan penyelesaian dengan sebaik-baiknya.

7. Alhamdulillah, berkat kebersamaan dan keserakahan sebagai Team UTeM, kita berjaya menghadapi saat getir ini dengan jayanya. Bermula dengan penubuhan Jawatankuasa Krisis Universiti yang melibatkan semua pihak yang berkepentingan, Jawatankuasa ini berperanan untuk memantau dan menguruskan bencana COVID-19 di UTeM di samping memberikan nasihat dan pandangan kepada Pengurusan Universiti dalam membentras penularan COVID 19 di dalam kampus.

8. Menerusi Jawatankuasa ini juga pelbagai SOP, Garis Panduan , FAQ dan Notis Arahan Dalaman telah dihasilkan sebagai rujukan oleh seluruh warga Universiti.
9. Disamping itu, dalam memenuhi keperluan dan kebajikan siswa siswi, khususnya mereka yang terkandas di dalam kampus mahupun yang mendiami di luar kawasan kampus, pelbagai tindakan dan pendekatan telah dilaksanakan. Saya akui, Pejabat HEP telah memberikan komitmen yang amat baik menerusi gerak kerja penuh dedikaksi dan berstrategi menerusi pelbagai inisiatif.

10. Marilah kita diberikan satu tepukan gemuruh, tanda penghargaan kepada Pejabat HEP, kerana menerusi penglibatan dari seluruh staf di Pejabat HEP dan sukarelawan pelajar, mereka tanpa jemu dan tanpa mengira masa, menyumbangkan sepenuh idea dan tenaga, bagi memastikan semua keperluan dan kebajikan pelajar dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya.

## **Hadirin Hadirat sekalian,**

11. Selain daripada itu, Universiti juga turut mengambil tindakan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif lain yang selari dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi seperti pelancaran Tabung Bantuan Bencana, penubuhan Food Bank Siswa UTeM yang telah mendapat sumbangan yang amat memberangsangkan dari pelbagai pihak, memperkenalkan perkhidmatan e-kaunseling, melaksanakan Ops Pulang Pelajar dan pelbagai inisiatif lain di bawah bantuan UTeM prihatin.

**Hadirin hadirat sekalian,**

12. UTeM juga turut membangunkan sistem e-tap yang pertama di kalangan UA, bagi memantau pergerakan keluar-masuk kampus.
13. Disebalik getir yang dihadapi, Universiti tidak pernah alpa untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial korporat atau CSR, menerusi penghasilan UTeM Face Shield. Difahamkan lebih daripada 15,000 unit UTeM Face Shield telah dihasilkan dan diagihkan untuk kegunaan front liners,

selain menghasilkan 30 unit Intubation Box dan COVID-19 Screening Booth untuk kegunaan Hospital Besar Melaka.

**Hadirin hadirat sekalian,**

14. Saya yakin, semua usaha ini pastinya sukar untuk direalisasikan tanpa komitmen dan kerjasama dari seluruh warga Universiti; staf mahupun pelajar. Bagi pihak pengurusan Universiti, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, seperti JK Krisis, Polis Bantuan, Pusat Kesihatan Universiti,

siswa siswi, para sukarelawan dan semua pihak yang mungkin tidak dapat untuk saya nyatakan satu persatu.

15. Diharapkan semangat kebersamaan dan keserakanan sebagai Team UTeM ini berterusan tanpa berpenghujung, tanpa mengira aspek apa sekali pun, sama ada akademik, penyelidikan, pembangunan siswa, kesukarelawanan, dan sebagainya.

Pekan Meranti riuhnya sakan,  
Kumpul setempat hati tertanya;  
Jasa bakti tuan puan sumbangkan,  
Semoga mendapat limpah rahmatNya.

Sekian, terima kasih.